

PBT kena kerap turun padang - Muhyiddin

UM - 29/12/2020 ml: 3

MELAKA: Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain lebih kerap turun ke lapangan bagi meninjau dan memahami masalah kakitangan yang bertemu dengan orang ramai bagi menyelesaikan urusan seharian.

Perdana Menteri berkata, penularan Covid-19 tidak harus menjadi penghalang dalam usaha kerajaan memperkasakan sektor awam ke arah perkhidmatan lebih cekap, telus dan mesra rakyat.

Menurut beliau, kakitangan awam perlu membudayakan norma baharu dalam cara kerja supaya perkhidmatan dapat disampaikan secara efektif kepada golongan sasaran.

“Dalam meneruskan agenda itu, kerajaan menekankan inisiatif untuk menambah baik aspek integriti dan tadbir urus termasuk melalui usaha membanteras rasuah.

“Oleh kerana PBT antara warga kerja barisan hadapan yang sering terdedah dengan tarikan rasuah, maka usaha

membanteras jenayah ini perlu kekal sebagai agenda penting,” katanya.

Beliau berucap secara maya pada majlis Perasmian, Persidangan Perwakilan Tritahunan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) Kali Ke-27 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini semalam.

Turut hadir Presiden ANULAE, Datuk Azih Muda dan Presiden Kongres Kesatuan

Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Adnan Mat.

Selain itu, beliau berkata, persidangan perwakilan tersebut adalah peluang buat semua warga ANULAE untuk berbincang dan menyuarakan pandangan tentang isu-isu berkaitan kebajikan ahli.

“Justeru, semua pihak perlu bekerjasama memastikan hak dan kebajikan setiap kakitangan awam dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya,” katanya.